

03 JUN 2003

Mahathir-Tiba/I

DR M TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI KE JEPUN

Oleh: Salbiah Said

TOKYO, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang baru selesai menghadiri Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Bukan Anggota di Evian, Perancis, tiba di sini awal hari ini untuk lawatan kerja tiga hari ke Jepun.

Dr Mahathir yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Narita pada pukul 7.40 pagi waktu tempatan (6.40 pagi waktu Malaysia), dari Frankfurt.

Duta Besar Malaysia ke Jepun Datuk Marzuki Mohd Noor dan para pegawai kedutaan menyambut ketibaan Dr Mahathir di lapangan terbang itu.

Dr Mahathir dijadual tiba di hotel penginapannya di Imperial Hotel di sini pada kira-kira pukul 9.50 pagi waktu tempatan (8.50 pagi waktu Malaysia).

Perdana Menteri dijadual bertemu bekas perdana menteri Jepun Yasuhiro Nakasone di hotel itu.

Selepas pertemuan selama 30 minit itu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah akan diraikan oleh Nakasone, yang juga pengerusi Institut Kajian Dasar Antarabangsa Jepun (IIPS), pada jamuan tengah hari.

Dr Mahathir kemudiannya dijadual memberi berucap pada simposium bertajuk "Dimensi Asia di bawah Orde Baru Dunia: Perkembangan Paradigma Asia dan Jepun" anjuran IIPS di Hotel Okura pada sebelah petang.

-- BERNAMA

SS MUN LAT RM MOZ